

06 MAR 2000

Atlit-Keselamatan

ATLIT SUKMA TIDAK PERLU BIMBANG ASPEK KESELAMATAN, KATA HILMI

PULAU PINANG, 6 Mac (Bernama) -- Majlis Sukan Negeri (MSN) telah menandatangani kawalan keselamatan di Pusat Kecemerlangan Sukan Westland yang menempatkan atlit Sukma Pulau Pinang berikutan pergaduhan di pusat itu baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata MSN kini tidak lagi membenarkan mana-mana pihak menggunakan padang berkenaan sehingga berlangsungnya kejohanan Sukma di sini Mei ini.

Siasatan awal kes terbabit mendapati pergaduhan itu berlaku akibat salah faham antara remaja luar yang selalu menggunakan padang di pusat latihan berkenaan dengan para atlit yang melarang mereka menggunakan padang pada hari kejadian, katanya kepada pemberita di sini.

Dr Hilmi yang ditemui selepas pelancaran promosi cenderhati dan kad diskaun Sukma di sini berkata selepas pertengkaran antara kedua-dua pihak, remaja berkenaan menyerang atlit yang tinggal dalam asrama pusat terbabit.

Dalam kejadian Sabtu lepas, tiga atlit Sukma negeri cedera apabila kira-kira 50 remaja menyerbu masuk dan membelasah para atlit di asrama itu.

Kira-kira 30 atlit yang tinggal di asrama berkenaan sempat melarikan diri tetapi tiga daripada mereka cedera manakala seorang atlit jalan kaki acara 5,000 meter, patah tulang kaki kirinya.

Jurulatih atlit di pusat itu, Tamboo Krishnan turut mengalami kecederaan ringan apabila cuba meleraikan pergaduhan berkenaan.

Semalam, polis menahan 19 remaja bagi membantu siasatan kes pergaduhan itu.

Dr Hilmi berkata MSN juga akan memberi penjelasan kepada orang awam supaya memberi laluan kepada atlit Sukma menjalani latihan di pusat berkenaan tanpa gangguan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata kerajaan negeri meminta syarikat swasta membantu program Sukma dengan menaja papan iklan di seluruh negara.

"Kerajaan negeri meminta syarikat yang berminat untuk menjadi penaja Sukma menghubungi MSN kerana publisiti Sukma Pulau Pinang di negeri lain masih berkurangan," katanya.

Beliau juga meminta orang ramai memberi sokongan menjayakan program Sukma dengan menghadiri majlis-majlis program berkenaan di kawasan masing-masing.

Sukma 2000 akan diadakan antara 25 Mei dan 3 Jun. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menutup kejohanan sukan dua tahun sekali itu pada 3 Jun.

-- BERNAMA

AA LAT